

Guru sastera diseru bantu tingkat penggunaan BI

Oleh FABIAN LABERI

KUCHING, Sabtu: Guru sastera bahasa Inggeris boleh membantu meningkatkan penggunaan dan kemahiran bahasa Inggeris dikalangan pelajar di negeri ini, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Sri Adenan Haji Satem.

Katanya, ini boleh dilakukan oleh guru-guru terbabit dengan kesediaan serta kesungguhan mereka menerapkan sikap gemar membaca pelbagai bacaan sastera, termasuk karya penulis terkenal dan ahli falsafah dunia.

"Anda sebagai guru sastera perlu membuka pintu kepada generasi muda dalam usaha memahirkan mereka dengan penggunaan bahasa Inggeris," katanya berucap merasmikan Majlis Perasmian Meja Bulat Tahunan Pendidikan Guru (Teach) 2002, anjuran Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), di sini hari ini.

Seminar sehari itu yang disertai kira-kira 200 bakal guru sastera, antara lain membentangkan kertas kerja bertajuk "Sastera Dalam Inggeris dalam Bilik Kelas Warga Malaysia".

Adenan berkata, kegiatan sastera seperti puisi dan tulisan buku memberi peluang kepada masyarakat dunia memahami lebih mendalam segala yang berkaitan dengan kehidupan seharian termasuk penerokaan budaya dan sikap manusia.

Adenan berkata, usaha kerajaan

Unimas - Korporat

untuk melaksanakan bahasa Inggeris pada waktu ini adalah wajar kerana bahasa Inggeris diguna pakaikan secara meluas di dalam semua bidang di seluruh dunia.

Ketika ditemubual pemberita selepas itu Adenan berkata, tabung pendidikan berjumlah RM100 juta yang dinyatakan oleh Ketua Menteri Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud tahun lalu, masih belum dilaksanakan lagi kerana masih kekurangan sumber.

Katanya, tabung itu belum lagi mencapai sasaran RM100 juta seperti yang disasarkan.

"Kita belum menggunakannya lagi sebab kita belum mencapai sasaran. Sasarannya ialah RM100 juta. Sebanyak 50 peratus adalah sumbangan Kerajaan Negeri dan 50 peratus lagi dari sektor swasta.

"Kerajaan Negeri sudah pasti ada RM50 juta. Tetapi kita masih menunggu RM50 juta daripada sektor swasta," katanya semasa ditanya sama ada tabung itu sudah digunakan.

Ditanya bila sasaran itu akan dicapai, Adenan berkata, "terpulang kepada sektor swasta... secepat yang boleh." Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor Unimas, Prof. Yusof Hadi, Timbalan Naib Canselor bahagian Pembangunan Unimas, Prof. Khairuddin dan Dekan Pusat Pembelajaran Bahasa, Puan Mahanita Mahadhir. - UB



Adenan melihat buku-buku yang dipamerkan. Turut kelihatan ialah Mahanita. — Gambar oleh Jeffry Mostapa.

